dikeluarkan pada tahun 1875. Jayaraman. N.V,(1988) mengatakan penerbitan majalah-majalah ini memberi peluang untuk penerbitan majalah Tamil berkembang pesat dan luas. Perkembangan penerbitan majalah tamil ini secara tidak langsung menjadi panduan kepada perkembangan sastera puisi yang pesat. Sehingga tahun 1956 sebanyak 130 majalah telah dihasilkan dan diterbitkan dalam Bahasa Tamil. Penghasilan majalah-majalah tamil ini menjadi sumber dan bahan penting dan utama dalam perkembangan sstera Puisi Tamil di Malaysia. Murasu Nedumaran,(2000) menyatakan penerbitan surat khabar Tamil Nesan yang pertama pada tahun 1923 dan surat khabar Tamil Murasu pada  tahun 1935 dengan surat khabar Tamil Kodi pada tahun 1941 turut memberi sumbangan besar dan bermain peranan penting pada peringkat awal perkembangan sastera puisi Tamil Malaysia.

**iii. Perkembangan puisi melalui penulisan dan penerbitan antologi.**

Dari segi sejarah perkembanagn sastera Puisi Tamil di Malaysia dimaklumkan sajak berjudul *'irunthum bayamenna?'* adalah sajak Tamil pertama di Malaysia. Puisi bersifat berirama ini dituliskan oleh Narayanasamy Nayagan dari Singapura pada tahun 1866.

Jayaraman. N.V.,(1988) menyatakan hasilan penyelidikan di atas penerbitan karya Antologi Puisi Tamil Malaysia merupakan menunjukkan penerbitan antologi *'arumugam patipagam'* pada tahun 1870-an adalah penerbitan karya antologi kesusasteraan puisi utama di Malaysia. Karya antologi ini dituliskan oleh penyair Maru.Vengadasalam Pillai. Pada tahun 1872, hasil kesinambungan dalam tindakan usaha penerbitan karya antologi puisi. Penyair Muhamad Abdul Kathir Pulavar telah



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menuliskan antologi *'muNajatu tirattu'* dengan bertemakan nilai-nilai dan etika-etika keagamaan. Dalam tempoh masa empat belas tahun dijangkai selepas ini, tiada jumpa apa-apa antologi puisi diterbitkan di Malaysia. Situasi ini berubah apabila kewujudan antologi *'malaaka peeravesa tiraddu'* pada tahun 1886. Penyair Seevata Marakayar telah memberi kehidupan dan nafas baru dalam perkembangan sastera puisi Tamil di Malaysia dengan kewujudan dan penerbitan antologi ini.

Penerbitan dan penghasilan koleksi-koleksi puisi yang berjudul v*annai anthathi, vannai nakar unjal, singgai nakar anthathi,* dan *chitirah kavithaigal* oleh Sathasivam Pandithar pada tahun 1887, membuka dan memula lembaran gemilang dan cemerlang dalam penghasilan dan penerbitan sastera antologi puisi Tamil di Tanah Melayu. Sambungan daripada penerbitan sastera antologi ini, penyair-penyair tamil tempatan menerima inspirasi, pandangan baru dan mewujudkan antologi secara kumpulan dan individu dengan lebih baik. Maka, perkembangan global sastera puisi menjadi pesat menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan. Secara umumnya, perkembangan pesat sastera Puisi Tamil Malaysia boleh diketogarikan kepada sepuluh tahap mengikut tempoh tahun karya antologi puisi dihasilkan. Penghasilkan sastera antologi puisi dalam tempoh tahun ini memaparkan tema-tema yang berbeza mengikut zaman dan persekitaran penyair. Ini menerangkan tema puisi berubah seiring dengan peredaran zaman dan persekitaran.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Sumber 1.2 : Buku Koleksi Puisi Tamil Malaysia Ditulis Oleh Murasu Nedumaran – (2018 – m.s. 33 dan 40)*

Melalui penyelidikan rintis, dapat memahami bahawa perkembangan sastera puisi Tamil dalam sembilan peringkat ini menjelaskan satu cara pemikiran yang berlainan dalam kalangan penyair di Malaysia. Pada peringkat permulaan iaitu tempoh masa 1901 hingga 1940 kebanyakan karya puisi yang diterbitkan adalah mempengaruhui daripada cara pemikiran penyair-penyair Tamil di Tamilnadu, India. Pada peringkat permulaan ini ramai penyair bermula menghasil karya puisi-puisi yang dengan pilihan tema berbeza seperti keagamaan, persekitaran dan kebangkitan semangat kebaktian terhadap kebangsaan negara India.

Pada peringkat ini, Penyair-penyair tempatan yang berminat dengan sastera memberi tumpuan yang lebih tinggi kepada pertemaan puisi yang dihasil apabila berbanding dengan gaya bahasa dalam puisi mereka. Dengan penyataan itu, etika-etika gaya bahasa kurang terserlah dalam sastera puisi pada zaman peringkat ini. Pada umumnya, dapat disimpulkan bahawa karya puisi yang dihasilkan sebelum dan selepas tahun 1941 mempunyai corak tema yang berbeza dalam penentuan tema. Sebelum tahun 1941, kebanyakan karya puisi bertemakan unsur-unsur keagamaan apabila berbanding

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tema kemasyarakatan dan kecintaan kepada kebangsaan selepas tahun 1940-an. Selepas itu, karya puisi-puisi yang dituliskan selepas tahun 60-an juga jelas memaparkan unsur-unsur gaya bahasa secara terbuka apabila berbanding dengan puisi-puisi sebelum tahun 60-an yang dituliskan oleh penyair.

Namun begitu, boleh juga memperhatikan perubahan-perubahan melampau apabila berbanding dengan anatologi puisi-puisi mulai tahun 2001 hingga 2018 dari segi gaya bahasa penyair-penyair tamil tempatan. Yang khairanya, ada juga seorang penyair tempatan menggunakan gaya bahasa yang hebat dalam karya puisi tradisionalnya. Biasanya, puisi moden adalah sangat mudah untuk menghasil. Sebab, ia boleh menghasil tanpa mengira teknik-teknik seperti rima akhir, asonasi, aliterasi, onomatopeia dan sebagainya. Tetapi, penyair ini menggunakan segala teknik-teknik ini dalam karya puisi tradisionalnya pada masa yang sama menggunakan gaya bahasa yang indah sekali. Nama beliau ialah Seeni Naina Mohammad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.1.5 Penyair Seeni Naina Muhamed

Penyair Seeni Naina Muhamed ialah seorang penyair yang sangat berpengalaman dan sangat berminat terhadap sastera Tamil. Beliau menganggap bahasa tamil sebagai nyawa dan jiwa sendiri. Beliau menguasai tahap cemerlang yang optimum dalam bidang tatabahasa dan sastera Tamil. Bukan sahaja dalam bahasa Tamil, malah beliau menjadikan dirinya pakar dalam bidang bahasa Inggeris, sains, kerohanian, kesusasteraan dan pelbagai bidang yang berkaitan bahasa. Beliau melahir pada 11 september tahun 1947. Beliau bermula menulis puisi mulain tahun 1958 semasa berumur 11 tahun. Beliau telah dipanggil dengan beberapa nama panggilan. Iaitu, *Karumban, Abupareetha, Ibnu*



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*Saithu, Illarkiniyan dan Nallarkiniyan.* Beliau membelajar tatabahasa yang berkaitan dengan prinsip-prinsip puisi dan juga mengajar kepada semua sebagai guru. Seterusnya, beliau merupakan seorang penceramah sastera Tamil. Dengan kemahiran tersebut, beliau meneruskan tanggungjawabnya sebagai penceramah dalam televisyen dan radio dengan bertema 'Kerohanian Islam'.

### 1.1.6 Penyair Dalam Bidang Penulisan

Mulai tahun 1961 penyair Seeni Naina Muhamed melibatkan diri dalam bidang sastera Tamil di Malaysia. Penghasilan Kebanyakannya adalah karangan, cerpen, drama radio dan puisi-puisi. Penghasiln beliau ada diterbitkan dan dicetak keluarkan dalam surat khabar dan majalah negara India dan Malaysia. Sebagai contohnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Penulis majalah islam bulanan *Permin Peravai 'Unggal Kural*' (1980-1986).

II. Penulis surat khabar '*Malaysia Nanban'* Penang (1988).

III. Penerbit majalah bulanan '*Unggal Kural'* (1998-2014).

IV. Penulis karya Puisi *Theenkudu* (2014).

V. Penulis karya *Tholkaapiyathil Oru Thuli* (2015).

VI. Penulis *kavithai poongothu*

VII. Penulis *Nalla Tamil Eluthavenduma*

VIII. Penulis *Tamil Punarchi Vithigal*

### 1.1.7 Pengiktirafan Penyair Seeni Naina Muhamed

Beliau juga mendapat beberapa pengiktirafan berdasarkan sumbangan dalam penulisan dan kebaktian terhadap bahasa Tamil. Pengiktirafan adalah seperti berikut,



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Hadiah daripada ‘Tamil Nesan’ Nyayiru kaviyarangam (1966).

II. Hadiah kepada Puisi yang terbaik dalam peringkat Perak (1974).

III. Hadiah pertama daripada *vellivila kavithai poddi* peringkat antarabangsa India, Tamil Nadu.

### 1.1.8 Karya *Theenkudu*

Pengkaji telah memilih karya *Theenkudu* sebagai teks kajian. Karya ini merupakan koleksi puisi yang pertama yang diterbitkan oleh penyair Seeni Naina Muhamed. Beliau mengumpul puisi-puisi yang ditulis dan diterbitkan karya ini oleh penyair Seeni Naina Muhamed mulai berumur 11 tahun (1958) hingga berumur 63 tahun (2011). Karya ini merangkumi sebanyak 320 muka surat. Karya ini dipercetakan oleh Zafar Sdn.Bhd. Dan juga, karya ini diterbitkan oleh Ungalkural Enterprise. Karya ini mengandungi puisi-puisi yang dibentuk dengan prinsip-prinsip puisi Tamil seperti yang terdapat dalam karya agong *Tholkapiyam.* Puisi-puisi yang terdapat dalam karya ini diketagorikan dengan beberapa tema utama.

| Bilangan | Tema | Bilangan Puisi |
|---|---|---|
| 1 | *Muthanmuthalaga* (pertama sekali) | 4 |
| 2 | *Iraisinthanai, Iyarkkai* (kerohanian, alam semesta) | 10 |
| 3 | *Mozli, Ilakkiyam, kalai* (bahasa, sastera, budaya) | 57 |
| 4 | *Penmai,Thaimai* (sifat kewanitaan, sifat keibuan) | 15 |
| 5 | *Kadhal* (kecintaan) | 32 |
| 6 | *Naadu, Inam, Kumukayam* (negara, bangsa, masyarakat) | 27 |
| 7 | *Palsuvai* (pelbagai rasa) | 32 |
| 8 | *Vaalthu, Paaraddu* (kerestuan, kepujian) | 34 |
| 9 | *Irangal* (simpati) | 7 |
| 10 | *Amaipugalukum malargalukum alithavai* (sumbangan | 33 |



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| | | |
|---|---|---|
| | kepada persatuan dan majalah) | |
| 11 | *Arangeriya kavithaigal* (puisi yang diiktirafkan) | 17 |

*Jadual 1.2 Tema Dan Bilangan Puisi Dalam Karya Theenkudu*

Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair berdasarkan tema-tema utama seperti dinyatakan di atas. Melalui puisi-puisi tersebut penyair meluahkan perasaan dan pemikiran dengan tepat dan berkesan. Pemikiran dan pengajaran yang terdapat daripada puisi-puisi beliau memberi kesan positif dan motivasi kepada masyarakat. Daripada 286 puisi yang dihasilkan oleh penyair Seeni Naina Muhamed, pengkaji memilih 55 puisi sahaja untuk membuat kajian tentang unsur-unsur gaya bahasa.

## 1.2 Pernyataan Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan gaya bahasa dalam puisi klasik diberikan penekanan dan menjadi asas kepada kelahiran puisi yang sempurna. Gaya bahasa adalah satu kemestian dalam karya kesusasteraan. Ini bererti, unsur-unsur gaya bahasa puisi klasik harus digunakan oleh penyair Seeni Naina Mohamed untuk menyampaikan perasaan dan fikiran dalam bentuk yang mudah dan mendalam kepada pembaca. Sebuah puisi yang sempurna dengan penggunaan gaya bahasa yang tepat, bernas dan penuh kehalusan, mudah dihayati oleh pembaca.

Di Tanah Melayu bagi antara tahun 1955 hingga 1980 membawa satu dimensi baru dalam gaya pemikiran penyair tempatan. Penyair tempatan mula menghasilkan puisi-puisi yang boleh memurnikan kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, pada dasarnya kebanyakan unsur gaya bahasa masih lagi tidak tercermin dalam puisi-puisi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada peringkat ini. Kesengsaraan semasa pentadbiran baru telah menyekat penyair daripada meluahkan perasaan mereka dengan gaya bahasa yang indah dalam puisi mereka, (Murasu Nedumaran,1988). Pengakaji memilih koleksi puisi penyair Seeni Naina Muhamed untuk memastikan sejauhmanakah penyataan atas tersebut benar dan koleksi puisi Seeni Naina Mohamed menunjukkan perbezaan dari segi unsur-unsur gaya bahasa mulai tahun 1960 hingga tahun 1980. Pengkaji akan mengkaji masalah ini dengan mengaplikasikan Teori Stilistik J.J Gorys Keraf.

Manakala Menurut Jayaraman.N.V.(1988), masa selepas kemerdekaan adalah permulaan sangat penting dalam kewujudan sastera puisi Tamil Malaysia – (Seminar Sastera Puisi Tamil Malaysia - 2018). Mengikut beliau, tahun 1960–1970, merupakan zaman di mana negara mengalami era perubahan dan pembangunan selepas merdeka. Justeru itu, puisi-puisi klasik Seeni Naina Mohamed juga turut melambangkan perubahan ini. Sebab, beliau bermula penulisannya mulai tahun 1956 sehingga 2014. Kepelbagaian tema memberi peluang kepada penyair Seeni Naina Mohamed menggunakan gaya bahasa dengan luas dalam karya hasil beliau. Pada zaman ini dapat diperlihatkan beraneka jenis corak dalam penggunaan gaya bahasa dalam Puisi klasik Seeni Naina Mohamed. Pengkaji berniat untuk mengkaji sejauhmanakah beliau menghadapi cabaran perubahan era zaman dan pembangunan selepas merdeka. Dan juga, pengkaji ingin membawa luar dan menunjukkan kemahiran penyair Seeni Naina Mohamed dari segi gaya bahasa dalam era perubahan dan pembangunan selepas merdeka.

Kewujudan sastera puisi Tamil di negara India adalah zaman kesinaran dalam kewujudan sastera Puisi Tamil dunia. Penyair seperti Bharathiyar dan Bharathidasan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

timbul dan mula menulis karya puisi-puisi dalam pelbagai-bagai tajuk dan tema. Angkatan penyair negara India telah memilih semangat perpaduan antara kaum, kepentingan memartabatkan adat, budaya dan bangsa, penghayatan terhadap alam semesta dan pergolakan dalam sosio ekonomi masyarakat sebagai tema dalam puisi mereka. Dan juga, penyair-penyair india adalah sangat hebat bagi melahirkan puisi-puisi yang kaya dengan variasi berbeza dalam penggunaan gaya bahasa termasuk diksi, metafora, simile, individualisme, perlambangan dan personifikasi, Kavitha Subramaniam, (2010). Pengkaji memilih masalah ini kerana sejauhmanakah dengan perkembangan yang pesat ini, penyair tempatan iaitu penyair Seeni Naina Mohamed mengaplikasikan unsur-unsur gaya bahasa yang hebat dan persamaan dengan penyair negara India dalam penulisanya. Akhir kata pengkaji memilih masalah ini untuk memastikan sejauhmanakah penyataan yang diberi oleh pengkaji tersebut benar dan juga penyair-penyair tempatan seperti Seeni Naina Mohamed meluahkan kemahiran-kemahiran dari segi gaya bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian sebelum ini tidak mefokuskan kepada gaya bahasa bersifat global yang terdapat di dalam puisi-puisi *‘Theenkudu’* Seeni Naina Mohamed. Hal tersebut pada pandangan pengkaji merupakan satu elemen penting yang perlu deteroka dan dikaji mengikut unsur-unsur gaya bahasa untuk tetapan khalayak. Penyair Seeni Naina Mohamed merupakan insan yang sentiasa berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang gaya bahasanya. Hal ini dibuktikan dengan pendapat Mahsuri S.N (1998) iaitu “... hasil penulisan penulis banyak bergantung kepada persekitarannya, di mana dia lahir, pengalaman, pendidikan dan kehidupan yang dialami dan penghayatan hidupnya.”



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulanya, boleh dirumuskan bahawa gaya bahasa merupakan komponan penting untuk menyatakan fikiran dan meluahkan perasaan penyair dalam puisi-puisinya. Penyair Seeni Naina Mohamed menggunakan unsur-unsur seperti diksi, metafora, simile, personifikasi dan simbol secara luas untuk menyampaikan tema puisi beliau kepada pembaca dengan mudah. Perubahan sosio-budaya serta perkembangan politik di tanah air mempelbagaikan tema pilihan penyair Seeni Naina Mohamed serta penggunaan unsur-unsur gaya bahasa dalam pelbagai variasi dalam hasil nukilan beliau.

## 1.3 Objektif Kajian :

Fokus utama kajian ini adalah tentang gaya bahasa yang tersirat di dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed. Antara objektif kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mengenalpasti unsur-unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.
ii. Menganalisis aspek keindahan gaya bahasa yang terdapat dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.
iii. Membincangkan maksud tersirat dan tersurat yang dicerminkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed melalui mengaplikasi gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.

## 1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah jenis unsur-unsur gaya bahasa yang diterapkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed?



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Sejauhmanakah puisi-puisi Seeni Naina Mohamed dapat mencerminkan aspek keindahan berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?

3. Sejauhmanakah maksud tersirat dan tersurat dicerminkan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed melalui mengaplikasi gaya bahasa berdasarkan Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat melihat kedalaman penyair Seeni Naina Mohamed dari aspek unsur-unsur gaya bahasa dalam buku puisi *Theenkudu* dan cara menyampaikan mesej puisi kepada pembaca dan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehingga sekarang belum ada kajian yang terperinci mengenai Puisi Seeni Naina Mohamed dari segi gaya bahasa. Situasi ini membimbing pengkaji untuk memenuhi ruang kekosongan tersebut. Dengan demikian, kajian ini merupakan satu kajian printis dalam aspek gaya bahasa dalam antologi puisi Seeni Naina Mohamed. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk mencerminkan kandungan gaya bahasa yang kaya dalam Puisi Seeni Naina Mohamed secara menyeluruh.

Puisi Seeni Naina Mohamed secara umumnya mempunyai nilai seni yang menyelebungi jiwa dengan halus dan seterusnya dijelmakan melalui kata-kata yang indah. Dengan demikian, bahasa menjadi alat untuk menampilkan unsur-unsur gaya bahasa yang berkaitan dengan hakikat keindahan dan seni. Bahasa bukanlah sesuatu ejen komunikasi yang sedia ada keindahan sebaliknya, gaya bahasa hanya dapat diamati dengan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan dan pengaplikasian secara tulin melalui, pengalaman, pemikiran, pemilihan, pembentukan, pengimejan serta penyusunannya oleh penyair. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji sejauhmana penyair Seeni Naina Mohamed dapat menggunakan gaya bahasa yang indah untuk melaksanakan keutuhan atau kesempurnaan serta keseimbangan bentuk dalam puisi mereka. Kajian ini juga akan merangkumi bagaimana penyair memperlihatkan tema-tema yang berkaitan pengalaman jiwa, terutama perasaan dan pemikiran melalui karya puisinya. Dengan kajian ini juga, pengkaji berharap dapat memaparkan kehalusan dan kepadatan Puisi Seeni Naina Mohamed dengan nilai-nilai keindahan kesusasteraan yang tinggi dan bermutu.

Melalui kajian ini, pengkaji berhasrat dan memfokus untuk menjadi teladan kepada penyair-penyair muda yang akan datang ke dunia puisi mengenai sejauhmana gaya bahasa atau keindahan bahasa mempunyai kepentingannya dari segi membicarakan tema pilihan dalam puisi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji berharap kajian ini boleh menjadi rujukan ilmiah utama kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji bidang kesusasteraan dari perspektif perkembangan Puisi tradisional di Malaysia. Diharapkan kajian ini akan menjadi sebagai panduan kepada pengakaji-pengkaji yang akan muncul dalam bidang ini.

## 1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, puisi-puisi yang pelbagai bertemakan seperti alam semesta, kebudayaan, bahasa, bangsa, kesedaran dan kecintaan mulai tahun 1960 hingga 1980 sahaja dipilih daripada antologi *Theenkudu* yang diterbitkan oleh Seeni Naina Mohamed pada tahun 2014. Memandangkan tema kebudayaan merupakan satu bidang yang luas,



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maka aspek agama, kepercayaan, kepegangan, bahasa, bangsa dan kesedaran sahaja akan dipilih untuk kajian ini. Kajian akan dilakukan ke atas gaya bahasa mengikut tahun daripada antologi *Theenkudu*, puisi tradisional Seeni Naina Mohamed yang merangkumi 55 puisi. Kajian gaya bahasa yang diberikan keutamaan dalam kajian ini adalah jenis-jenis unsur gaya bahasa. Unsur gaya bahasa yang tidak berkenaan akan diketepikan oleh pengkaji dalam kajian ini kerana ia adalah luar daripada skop kajian.

Pengkaji hanya memilih marabu kavitai (puisi-puisi klasik) sahaja untuk kajian ini. Putukkavitai – free verse (Puisi-puisi moden) yang mewujud dan berkembang turut mulai tahun 80-an tidak dikira atau termasuk dalam kajian. Ini kerana, pada dasarnya puisi yang berjenis moden merupakan kesusasteraan baru dalam dunia Kesusasteraan Tamil Malaysia dan India. Bidang kesusasteraan itu masih tidak mencapai tahap kecemerlangan dan nilai kesempurnaan kesusasteraan apabila berbanding dengan sastera Puisi Tamil Klasik. Hasil koleksi atau pengumpulan sastera puisi moden dalam bentuk penerbitan juga kurang apabila berbanding dengan puisi klasik. Justeru, pengkaji hanya memilih puisi klasik Seeni Naina Mohamed untuk kajian ini. Sebab beliau memasukkan gaya bahasa yang melampau walaupun ia merupakan puisi klasik.

Dalam kajian ini, pengkaji dapatkan maklumat tentang perkembangan puisi di negara Malaysia melalui menjalankan temubual dengan sasterawan Murasu Nedumaran. Daripada kajian rintis didapati suatu perbezaan utama dalam kalangan penyair adalah dari segi pemilihan tema, penggunaan gaya bahasa serta variasi puisi mengikut persekitaran dan masalah mereka dihadapi. Pada umumnya, tema puisi Tamil amat topikal sifatnya dalam persekitaran ini. Didapati penyair Seeni Naina Mohamed amat cenderung mengutip ilham daripada apa yang berlaku di sekitar masyarakat untuk dijelmakan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi puisi. Yang pentingnya, Seeni Naina Mohamed bermula menulis puisi klasik mulai tahun 1958 hingga tahun 2011, *Theenkudu* (2014). Ini membuktikan beliau adalah seorang penyair puisi klasik yang berpengalaman 53 tahun. Oleh kerana itu, pengkaji boleh merujuk perbezaan pemikiran dan perbezaan penggunaan gaya bahasa dalam satu karya puisi klasik Seeni Naina Mohamed. Sebab ini mendorong pengkaji memilih penyair Seeni Naina Mohamed dan karya puisi klasiknya.

Oleh kerana, setiap zaman melahirkan gaya bahasa yang berlainan, maka perbezaan yang ketara dari segi tema dan gaya bahasa dapat diperhatikan dalam puisi-puisi Seeni Naina Mohamed. Tempoh masa dipilih adalah berdasarkan kepada tahun-tahun penerbitan antologi tersebut. Ini adalah kerana penyair meletakkan tahun bagi penghasilan puisinya. Justeru, pengkaji berupaya mengesahkan kejituan tahun penghasilan puisi tersebut. Sebaliknya, pengkaji masih berupaya mengumpulkan karya puisi yang ada mengikut tempoh masa dan tahun penerbitan antologi tersebut. Tahun yang berbeza ini diharap dapat membantu pengkaji untuk mengkaji puisi-puisi dengan mudah mengikut objektif yang ditetapkan.

Sebanyak 58 puisi bertema mulai tahun 1960 sehingga 1980 sahaja dipilih daripada 268 koleksi puisi Seeni Naina Muhamed. Dengan demikian, pengkaji hanya menganalisis 55 puisi daripada tema utama karya *Theenkudu*. Iaitu alam semesta, kebudayaan (bahasa, bangsa dan kesedaran), kewanitaan dan kecintaan. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair Seeni Naina Mohamed sahaja dipilih untuk kajian. Kriteria-kriteria yang diterapkan untuk pemilihan penyair ini berdasarkan kepada pemikiran, kepakaran, pengalaman, komitmen dan keaktifan beliau dalam bidang penulisan puisi klasik.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan puisi merupakan sastera global, pandangan serta pengalaman pengajian puisi bahasa lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dijadikan ukuran perbandingan pada kajian ini. Hasilan penyair dan pandangan sarjana dijadikan bahan pengukuhan kajian ini.

## 1.7 Skop Kajian

Pengkaji mengkaji gaya bahasa yang menjadi ciptaan penyair dalam Puisi klasik Seeni Naina Mohamed. Kajian gaya bahasa ini merujuk kepada unsur diksi, personifikasi, simbol dan simile dalam penghasilan puisi klasik. Demi tujuan ini, pengkaji telah menumpukan kajian kepada lima puluh lapan puisi yang dihasilkan melalui antologi '*Theenkoodu'* yang diterbitkan oleh penyair Seeni Naina Mohamed. Pemilihan puisi adalah berdasarkan mulai tahun 1960 hingga 1980 iaitu daripada beberapa tema seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

alam semesta, kebudayaan, kecintaan dan kewanitaan. Semua puisi dipilih tanpa mengira tema-tema dihasilkan. Pengkaji telah memilih puisi-puisi ini berdasarkan objektif kajian yang ditentukan dan kualiti penulisan sesebuah karya puisi.

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptul kajian merupakan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk membuat pengkajian ini. Dengan menggunakan kerangka konseptual ini pengkaji akan membawa kajian ini dengan lancar dan teliti.

### 1.8.1 Kaedah Kualitatif

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis bahan tulisan, dokumen, buku atau teks. Menurut Bryman (2008), kaedah kualitatif adalah satu strategi kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang lazim sekali dan turut menyentuhkan kepada perkataan atau ayat apabila berbanding dengan pengiraan data yang dikumpul, dibanding dan dianalisis. Analisis isi dan kandungan dokumen yang dipilih oleh pengkaji adalah alat saintifik yang mengaitkan dengan prosedur khusus yang berobjektif mencungkil pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena atau masalah yang tertentu dan menjelaskan tindakan seterusnya secara teori dan praktikal. Pengumpulan data dan pandangan penulis berlainan melalui analisis dokumen atau teks dapat memberikan maklumat yang releven dan penghuraian yang paling jelas kepada isu dan masalah yang dikaji.

Pengkajian kualitatif adalah mempunyai bentuk data dan pemikiran penulis dalam bentuk teks serta gaya tersendiri yang berbeza dengan pengkajian kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk intrument teks, temubual, analisis dokumen dan pemerhatian. Taylor dan Bogdan (1984) mengatakan bahawa data kualitatif berbentuk deskriptif, teks, berupa kata-kata lisan atau tulisan dan bahan bacaan tentang tingkah laku manusia atau masyarakat yang dapat diamati. Patton (1990), menyatakan data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagaimana berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Hasil pemerhatian : huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku yang diamati di lapangan.

b. Hasil pembicaraan : kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam.

c. Bahan tertulis : petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji memilih kaedah menganalisis data untuk mencapai objektif kajian ini. Pengkaji menganalisis gaya bahasa dalam karya puisi klasik Seeni Naina Mohamad dari aspek Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf.

### 1.8.2 Teori Gaya Bahasa Gorys Keraf

Gorys Keraf (1998:112) Gaya atau khususnya gaya bahasa dikenal dalam retorika dengan istilah style. Kata style diturunkan dari kata latin stilus. Karena perkembangan, gaya bahasa atau style menjadi masalah atau bagian dari diksi atau pilihan kata yang mempersoalkan cocok tidaknya pemakaian kata, frasaatau klausa tertentu untuk menghadapi situasi tertentu. Sebab itu, persoalan gaya bahasa meliputi semua hirarki kebahasaan. Akhirnya style atau gaya bahsa dapat di batasi sebagai cara memngungkapkan pikiran mlalui bahasa secara khas yang memperlihatkan jiwa dan kepribadian pemakai bahasa. Menurut Gorys Keraf (Diksi dan Gaya Bahasa, 1988:113) bahawa gaya bahasa di bagi menjadi dua menurut fungsinya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Sendi dan gaya bahasa

2. Jenis-jenis gaya bahasa

**Sendi dan Gaya Bahasa**

Sebuah gaya bahasa yang baik harus mengandung tiga unsur berikut: yang diajak bicara, khususnya pendengar atau pembaca. Dengan cara menyampaikan kejujuran, sopan-santun, dan menarik. Kejujuraan dalam bahasa berarti mengikuti aturan-aturan yang baik dan benar dalam berbahasa. Pemakaian kata-kata yang kabur dan tak berarah, serta



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan kalimat yang berbelit-belit adalah jalan untuk mengundang ketidak jujuran.

**Jenis-Jenis Gaya Bahasa**

Gorys Keraf (2002: 124-145) membagi gaya bahasa berdasarkan langsung tidaknya makna, meliputi:

1) Gaya bahasa retoris

Terdiri dari aliterasi, asonansi, anastrofa, apofasis (preterisiso), apostrof, asindenton, polisindenton, kiasmus, elipsis, eufemisme, litotes, histeron prosteron, pleonasme dan tautologi, perifrasis, prolepsis, erotesis, silepsis dan zeugma, koreksio, hiperbola, paradoks dan oksimoron;

2) Gaya bahasa kiasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meliputi persamaan atau simile, metafora, alegori, parabel, fabel, personifikasi, alusi, eponim, epitet, sinekdok, metonimia, antonomasia, hipalase, ironi, sinisme dan sarkasme, satire, innuendo, dan antifrasis.

## 1.9 Definisi Operasional

### 1.9.1 Gaya Bahasa

Gaya bahasa merujuk kepada estetika bahasa dalam sesuatu bahasa yang dimanipulasikan untuk mengindahkan penterjemahan idea dengan licin. Puisi yang menggunakan imej, perlambangan, diksi, klise, metafora, anafora, epifora, simile, simbol dan inversi adalah di antara gaya bahasa atau estetika bahasa yang digelar keindahan bahasa. Gaya bahasa yang berupa estetika bahasa juga merujuk kepada



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan kata yang padat dan berkesan untuk menyampaikan isinya kepada pembaca dengan berkesan.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011), gaya bahasa adalah pemilihan perkataan, kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh penulis atau penyair bagi menyampaikan mesej dan pemikiran karyanya. Gaya bahasa bukanlah apa yang dikarang oleh pengarang atau penyair, tetapi bagaimana cara pengarang atau penyair menulis, memapar dan mempersembahkan karyanya. Gaya bahasa merujuk kepada tanda baca, fonologi, rima tona, pengulangan, tekanan, individualisme dan sebagainya yang juga ada perkaitan dengan ciri-ciri atau unsur-unsur linguistik dan juga semantik atau simbol bahasa. Dalam keindahan bahasa ini, pengarang atau penyair bebas memanipulasi diksi, imejan, fonologi, struktur ayat, isi individualisme, memilih frasa, membina dialog, mengguna kata perbandingan dan aspek bahasa yang lain untuk menunjukkan gaya atau *mood*. Dalam sastera puisi, gaya bahasa melibatkan dengan intonasi, fonologi dan bunyi suara yang pelbagai-bagai jenis. Gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang atau penyair adalah identiti sendiri dan gaya individualisme yang unik bagi pengarang atau penyair itu sendiri sehingga menunjukkan dirinya asing daripada pengarang atau penyair yang lain.

Berdasarkan penyataan yang diberikan oleh Fadzri Aris et al.(2013), gaya bahasa atau unsur keindahan merupakan cara atau teknik pengarang atau penyair menggunakan bahasa dengan menarik, baik dan kreatif dalam usaha mengungkapkan isi, pemikiran, isi hati, tema dan persoalan dalam sesuatu karya yang menjadi penghasilanya. Gaya bahasa atau unsur keindahan mengandungi semua aspek bahasa seperti perbandingan kata, pemilihan kata, penggabungan pemikiran, penggunaan kiasan, pembinaan frasa,



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembinaan ayat dan sebagainya. Gaya bahasa bagi sesuatu penulisan atau hasilan akan disempurnakan melalui pengaplikasian stail atau unsur-unsur keindahan oleh penulis atau penyair untuk menarik minat dan perhatian pembaca. Antara gaya bahasa dan unsur keindahan yang selalu diaplikasikan oleh penulis atau penyair untuk memastikan penulis yang disumbang menarik perhatihan pembaca dari unsur-unsur seperti yang berikut :




*Rajah 1.3 Unsur-unsur Gaya Bahasa*

05-4506832 ptbupsi

Gaya bahasa yang terdapat dalam puisi mempunyai unsur-unsur konotasi. Ia mempunyai makna dan semantik yang lebih mendalami dan lebih daripada satu dan luas pengertiannya. Biasaannya, gaya bahasa dalam puisi ditonjolkan melalui penggunaan dan pemilihan perkataan yang menarik, sesuai dan tepat.

### 1.9.2 Karya *Theenkudu*

Pengkaji telah memilih karya *Theenkudu* sebagai teks kajian. Karya ini merupakan koleksi puisi yang pertama yang diterbitkan oleh penyair Seeni Naina Muhamed. Beliau mengumpul puisi-puisi yang ditulis dan diterbitkan karya ini oleh penyair Seeni Naina Muhamed mulai berumur 11 tahun (1958) hingga berumur 63 tahun (2011). Karya ini



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merangkumi sebanyak 320 muka surat. Karya ini dipercetakan oleh Zafar Sdn.Bhd. Dan juga, karya ini diterbitkan oleh Ungalkural Enterprise. Karya ini mengandungi puisi-puisi yang dibentuk dengan prinsip-prinsip puisi Tamil seperti yang terdapat dalam karya agong *Tholkapiyam.* Puisi-puisi yang terdapat dalam karya ini diketagorikan kepada 11 tema utama. Iaitu:

| | |
|---|---|
| 1 | *Muthanmuthalaga* (pertama sekali) |
| 2 | *Iraisinthanai, Iyarkkai* (kerohanian, alam semesta) |
| 3 | *Mozli, Ilakkiyam, kalai* (bahasa, sastera, budaya) |
| 4 | *Penmai,Thaimai* (sifat kewanitaan, sifat keibuan) |
| 5 | *Kadhal* (kecintaan) |
| 6 | *Naadu, Inam, Kumukayam* (negara, bangsa, masyarakat) |
| 7 | *Palsuvai* (pelbagai rasa) |
| 8 | *Vaalthu, Paaraddu* (kerestuan, kepujian) |
| 9 | *Irangal* (simpati) |
| 10 | *Amaipugalukum malargalukum alithavai* (sumbangan kepada persatuan dan majalah) |
| 11 | *Arangeriya kavithaigal* (puisi yang diiktirafkan) |

*Jadual 1.3 Tema Dan Bilangan Puisi Dalam Karya Theenkudu*

### 1.9.3 Penyair Seeni Naina Muhamed

Penyair Seeni Naina Muhamed ialah seorang penyair yang sangat berpengalaman dan sangat berminat terhadap sastera Tamil. Beliau menganggap bahasa tamil sebagai nyawa dan jiwa sendiri. Beliau menguasai tahap cemerlang yang optimum dalam bidang tatabahasa dan sastera Tamil. Bukan sahaja dalam bahasa Tamil, malah beliau menjadikan dirinya pakar dalam bidang bahasa Inggeris, sains, kerohanian, kesusasteraan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pelbagai bidang yang berkaitan bahasa. Beliau melahir pada 11 september tahun 1947. Beliau bermula menulis puisi mulain tahun 1958 semasa berumur 11 tahun. Beliau telah dipanggil dengan beberapa nama panggilan. Iaitu, *Karumban, Abupareetha, Ibnu Saithu, Illarkiniyan dan Nallarkiniyan.* Beliau membelajar tatabahasa yang berkaitan dengan prinsip-prinsip puisi dan juga mengajar kepada semua sebagai guru. Seterusnya, beliau merupakan seorang penceramah sastera Tamil. Dengan kemahiran tersebut, beliau meneruskan tanggungjawabnya sebagai penceramah dalam televisyen dan radio dengan bertema 'Kerohanian Islam'. Yang pentingnya, beliau merupakan seorang penyair. Antara penulisan beliau adalah *Theenkudu.* Penulisan ini membuktikan bahawa beliau adalah seorag penyair yang hebat. Dengan penulisan beliau, pengkaji menjalankan kajian untuk melihat sejauhmanakah puisi-puisi diantara tahun 1960 hingga tahun 1980 mencerminkan unsur-unsur gaya bahasa untuk menyampaikan tema beliau kepada pembaca atau kepada masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.10 Kesimpulan

Sastera Puisi Tamil Malaysia mula berkembang mulai tahun 1887, perkembangannya menjadi lebih luas dan pesat mulai tahun 70-an. Pada Zaman ini banyak antologi sastera puisi telah diwujud berdasarkan pelbagai tema bergantung dengan persekitaran, zaman, suasana, emosi semasa dan gaya sendiri penyair. Ia adalah pengasilan daripada pengamatan dan pengalaman penulis atau penyair terhadap corak kehidupan Masyarakat Tamil di Malaysia.

Pengkaji akan berfokus kepada gaya bahasa yang terdapat dalam puisi klasik Seeni Naina Muhamed dengan teliti. Melalui ini pengkaji akan membuat mengharumkan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nama penyair Seeni Naina Muhamed dan meluarkan kemahiran-kemahiran penyair yang terdapat dari segi gaya bahasa dalam puisi klasiknya.

Pengkaji akan menganalisis puisi klasik Seeni Naina Muhamed dengan panduan Teori Stilistik J.J Gorys Keraf. Dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori ini, pengkaji berharap boleh membawa kajiannya dengan perjalanan yang betul dan lancar. Akhir kata, dengan kajian ini, pengkaji akan memahami maksud gaya bahasa dan cara menganalisis sesuatu karya sastera dengan cara yang betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi